

Pandangan saya

isu pekerja

majikan ikhlas - PM

MILIT - 8 SEP 1999

KUALA LUMPUR 7 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, pandangan beliau mengenai isu pekerja dan majikan adalah ikhlas walaupun ia mungkin tidak disenangi ramai dan boleh menjadikannya tidak popular.

"Orang yang hanya ingin menjadi popular adalah tidak bertanggungjawab dan ini boleh membawa kepada kerosakan," katanya.

Sebagai contoh, katanya di Amerika Selatan dahulu terdapat apa yang dikenali sebagai "Populist Government" sejenis pemerintahan yang akan membuat apa sahaja yang popular kepada majoriti rakyat.

Akibatnya, tegas beliau, negara tersebut menjadi muflis, menghadapi banyak masalah dan tidak boleh membangun kerana tidak dapat membayar hutang.

"Justeru itu, saya lebih sanggup menjadi tidak popular demi menjaga kepentingan negara dan rakyat termasuk para pekerja sendiri," tegas beliau ketika berucap merasmikan mesyuarat agung ke-12 Kesatuan Pekerja Penerbangan Malaysia Semenanjung Malaysia (MASEU) di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaya di sini hari ini.

Perdana Menteri juga berkata, langkah kerajaan menggalakkan penubuhan kesatuan dalaman (in-house union) bukanlah kerana ingin melindungi kepentingan majikan dan kerajaan walaupun memang diakui kesatuan dalaman tidak sekuat kesatuan sekerja.

Menyalahguna kuasa

Sebaliknya tegas beliau, penubuhan kesatuan dalaman akan dapat memberi peluang kepada pekerja syarikat berunding sendiri dan dengan cara itu, mereka bukan sahaja lebih arif dengan kedudukan kewangan syarikat tetapi lebih bertanggungjawab.

"Kita menggalakkan in-house union ialah kerana apabila orang politik tertentu menguasai kesatuan sekerja kebangsaan atau kongres kesatuan sekerja mereka akan menyalahgunakan kuasa dan tidak akan mengutamakan pekerja," katanya.

Sehubungan itu beliau berkata, tuduhan yang mengatakan kerajaan menggalakkan penubuhan kesatuan dalaman untuk melemahkan kuasa kesatuan sekerja kebangsaan adalah tidak benar.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, kebelakangan ini terdapat banyak kemusnahan parti dan pemerintah komunis di Russia dan Eropah Timur yang diasakan kepada keadaan pekeja akan menikmati kehidupan yang mewah dan bahagia apabila menyokong parti pekeja.

Bagaimanapun, apa yang berlaku katanya, para pekerja terus diperhambakan dan terus ditindas sedari pemimpin parti hidup mewah dalam istana, berkereta mewah dan menggunakan kapal terbang untuk ke sana sini.

"Pekeja terpaksa menderita selama 70 tahun sebelum dapat menggulingkan sistem komunis yang berasaskan kepada pemerintahan diktator rakyat bawahan atau *dictatorship of the proletariat*," ujar beliau.

Katanya, keadaan itu berlaku apabila pihak pekerja terpesona dengan janji dan imej syurga di dunia.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berjanji akan memberi keba-

hagaan sekiranya rakyat sanggup bekerja kuat untuk masa depan dan bukannya mengharapkan kebahagiaan hidup yang mudah.

Tanpa ketekunan bekerja kata, Dato' Sri Dr. Mahathir, para pekerja tidak mungkin dapat menambah pendapatan.

Strategi kerajaan tegasnya, ialah menggalakkan pelaburan bagi menambah peluang pekerjaan sehingga wujud banyak pekerjaan daripada bilangan pekerja dan upah akan meningkat kerana berlaku rebutan untuk mendapatkan pekeja.

Bagaimanapun katanya, kenaikan upah mesti diimbangi dengan peningkatan produktiviti kerana jika tidak, barang-barang dan khidmat tidak akan dapat bersaing dan lambat laun perusahaan akan gagal dan pekerja menganggur semula.

Beliau berkata, dalam zaman wrusahaan dan perniagaan dimiliki oleh orang ramai melalui saham syarikat "public limited," seperti sekarang, harga saham memainkan peranan penting dalam menambahkan modal.

Katanya, pasaran saham sangat sensitif dan apabila terdengar sesuatu masalah menyerang sesuatu syarikat, harga saham akan turun dengan mendadak dan ini merugikan perniagaan terutama ketika syarikat sedang berkembang dan perlu kepada penambahan modal.

Syarikat yang tidak berupaya membangun kata Perdana Menteri, akan menyebabkan kerugian kepada para pekerja terutama dari segi kenaikan pangkat dan gaji.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan sebarang bentuk tuntutan yang dibuat oleh kesatuan sekerja haruslah dibuat melalui rundingan atau timbangtara kerana menuntut secara membuat ugutan adalah cara primitif.

Katanya, ugutan adalah sama seperti menyelesaikan masalah di antara dua orang dengan bertinju atau masalah di antara dua negara dengan cara berperang, seolah-olah menguji siapa lebih kuat.

"Pada zaman revolusi industri dalam abad ke-19 di mana majikan sering menganiayakan pekeja dan tiada undang-undang mengawal mereka di mana pemerintah memihak kepada majikan, memanglah sesuai untuk berkonfrantasi dan mogok.

"Bagaimanapun kini zaman telah berubah. Kerajaan tidak boleh membelakangkan kepentingan pekeja dan undang-undang bagi melindungi pekerja dibuat untuk memastikan keadilan," jelas beliau.

Dalam hubungan ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, adil bukan bermakna memihak kepada pekerja semata-mata tetapi ia juga bererti memelihara kepentingan majikan dan pelabur supaya mereka boleh mewujudkan peluang pekerjaan dan pekerja tidak gelisah dan membenci kerajaan.